

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: SINAR HARIAN		
TARIKH	: 2/1/2020	MUKA SURAT	: 8
JABATAN	: UMUM		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Kerajaan ambil tindakan segera masalah bekalan air, elektrik di SRIDI

KUALA TERENGGANU - Kerajaan Terengganu akan mengambil langkah segera agar masalah ketidadaan bekalan elektrik dan air di Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) Wakaf Mempelam di sini semalam tidak berulang pada masa akan datang.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, tindakan kini sedang diambil dan menegaskan sesi persekolahan tidak akan terganggu.

“Kita mengambil langkah supaya perkara seperti ini tidak berulang pada masa hadapan dengan kapasiti yang kita ada. Tiada siapa yang boleh kata mereka memerintah dengan sempurna tentu ada kelemahan-kelemahannya. Tapi kelemahan itu yang perlu penambahbaikan.

“Kami cuba yang terbaik untuk memastikan aspek keselamatan dan sesi pembelajaran dalam keadaan terbaik.” katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Sistem i-Direktori Negeri Terengganu di Wisma Darul Iman semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kekecohan apabila SRIDI Wakaf Mempelam di sini tidak dilengkapi kemudahan bekalan air dan elektrik semasa hari pertama sesi persekolahan hari ini.

Sementara itu, Exco Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi



DR AHMAD SAMSURU

negeri, Saiful Bahri Mamat mengakui berlaku masalah bekalan air dan elektrik di sekolah itu dan tindakan sudah diambil.

“Benar, hari ini (semalam) memang tiada bekalan air dan elektrik tetapi dakwaan tiada kerusi, meja itu tidak benar. SRIDI sudah ada sembilan buah di Terengganu namun SRIDI Wakaf Mempelam baru sahaja berpindah kerana hari ini memang di bangunan YTT (Yayasan Islam Terengganu).”

“Apabila YTT nak gunakan bangunan tersebut, keputusan lewat sedikit untuk berpindah dan urusan untuk ubah suai

bangunan itu di bawah JKR (Jabatan Kerja Raya). Mungkin ada perkara-perkara teknikal di luar kawalan kita.

“Meja dan kerusi ada tetapi dalam kelas di tingkat atas manakala tingkat bawah adalah surau dan memandangkan ia adalah hari pertama dan ada taklimat, mereka ditempatkan di tingkat bawah,” katanya.

Sebelum itu, hari pertama sesi persekolahan di SRIDI di sini ‘panas’ apabila ibu bapa menyuarakan rasa tidak puas hati kerana sekolah itu tidak dilengkapi kemudahan bekalan air dan elektrik.

Keadan itu menyebabkan 110 murid sekolah itu berhimpun dalam kelas yang panas dan gelap berikutan ketidadaan bekalan elektrik.